

29 APR 1996

Mahathir - Lawatan

DR MAHATHIR TIBA DI BRUNEI ESOK UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Brunei esok untuk memperkukuhkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri akan tiba di sini pada tengah hari dan sejurus selepas tiba, beliau akan ke Istana Nurul Iman, di sini untuk menghadap Sultan Hassanal Bolkiah.

Dr Mahathir dan Sultan Hassanal, yang juga Perdana Menteri Brunei dijangka membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama.

Jika cuaca mengizinkan, kedua-dua pemimpin akan menunggang kuda dan kemudian menghadiri majlis jamuan.

Dr Mahathir akan menemui rakyat Malaysia di negara itu di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Haji Salim Hashim, di Rumah Malaysia, di sini pada pagi Rabu sebelum berlepas ke Pulau Layang-Layang dan Labuan.

Menurut statistik Jabatan Buruh Brunei, jumlah terbesar rakyat asing yang bekerja di Brunei ialah dari Malaysia.

Pada masa ini, ada 22,800 rakyat Malaysia bekerja dalam sektor swasta sementara 874 orang lagi berkhidmat sebagai jururawat, doktor dan pensyarah secara kontrak dengan kerajaan Brunei.

Tahun lepas, eksport Malaysia ke Brunei ialah RM740 juta dan antara barangan itu ialah makanan, peralatan rumah, bahan binaan dan barangan am.

Tarikan terbatu produk Malaysia di kalangan rakyat Brunei ialah kereta nasional Proton dan Kancil.

Sehingga akhir tahun lepas, 1,400 unit Proton telah dijual di Brunei. Kumpulan pertama 10 unit Kancil yang muncul di sini tahun ini telah habis dijual. Kumpulan kedua 20 unit Kancil akan tiba di sini bulan depan. --
BERNAMA.

ARA FAZ